

PEMIMPIN BEREBUT₂ JAWATAN TAK BERKUALITI

MM 10 NOV 1985

PORT DICKSON 9 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahatir Mohamad menegaskan pemimpin - pemimpin UMNO yang berebut - rebut untuk mendapatkan sebarang jawatan sehingga menimbulkan berbagai masalah bukanlah terdiri dari pemimpin yang berkualiti.

Katanya, pemimpin - pemimpin UMNO hendaklah terdiri dari mereka yang berkualiti dengan membelakangkan kepentingan diri sendiri yang boleh menjadikan UMNO kukuh dan kuat.

Beliau yang juga Presiden UMNO menambah, UMNO sebaliknya akan hancur jika ahli - ahlinya

mementingkan pemimpin dari kepimpinan yang berkualiti.

Berucap merasmikan gerak kerja Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang terdiri dari seramai 500 orang peserta di Pusat Membina Semangat dekat sini hari ini beliau menambah, pemimpin - pemimpin yang berkualiti hanya akan lahir setelah melalui latihan dan pengalaman berkecimpung dalam UMNO dari peringkat bawah.

"Sesiapa sahaja boleh menjadi pemimpin tetapi pemimpin yang berkualiti tidak mudah ditemui," ujarnya.

Turut hadir di majlis tersebut ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Sri

Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Ali, Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin dan Menteri Besar, Datuk Mohd. Isa Abdul Samad.

Perdana Menteri menarik perhatian, pucuk pimpinan akan cuba membetulkan kepimpinan seseorang pemimpin itu yang didapati merosot tetapi jika ia tetap tidak berubah barulah pemimpin itu akan ditukar kepada yang berkualiti.

"Kepimpinan yang berkualiti sahaja akan dapat menentukan kejayaan sebuah negara kerana untuk mentadbirkan negara memerlukan pemimpin

yang berkualiti dari golongan mereka yang diberi latihan dan pengalaman memimpin," tambahnya.

Beliau menegaskan, ahli - ahli UMNO juga hendaklah mempunyai nilai - nilai yang mulia termasuk beramanah seperti yang diamalkan dalam Islam.

Sementara itu, Datuk Mohd. Isa dalam ucapannya menegaskan, UMNO akan menjadi masalah jika ahli - ahlinya asyik memikirkan siapa yang layak menjadi calon dalam pilihanraya akan datang.

Katanya, dalam keadaan sekarang terdapat kalangan mereka lebih mementingkan barisan calon dan bukannya untuk memperkukuhkan parti itu menghadapi pilihanraya.